

Ucapan PM perlu jadi panduan

BH 12 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khamis — Tokoh veteran Umno berharap ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Perhimpunan Agung Umno, dijadikan panduan oleh generasi muda.

Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohd Zahir Ismail, berkata ucapan perasmian itu adalah sesuatu yang dialu-alukan.


“Ucapan Perdana Menteri adalah baik dan wajar menjadi panduan mengembalikan semangat generasi muda,” katanya.

Seorang lagi tokoh veteran, Tan Sri Khir Johari pula berkata ucapan Dr Mahathir menarik kerana datang dari lubuk hati beliau sendiri.

Katanya, isu yang dibangkitkan Dr Mahathir juga sangat penting dan patut dihebahkan kepada semua perwakilannya serta dikeluarkan pada masa yang tepat.

“Ia penting untuk masa depan bangsa. Saya tidak sangka beliau akan mengambil peluang dalam ucapannya untuk meluahkan pandangannya secara terang untuk menjelaskan isu seperti musuh yang dihadapi Umno sama ada dari dalam atau luar.

“Ia dapat menghapuskan kekeliruan yang masih wujud di kalangan ahli Umno,” ka-



**PERHIMPUNAN
AGUNG UMNO
KE-54**

tanya.

Ditanya sama ada semangat pengorbanan dan perjuangan ahli Umno sekarang boleh menyamai ahli pada masa awal penubuhan Umno, Khir berkata ia tidak mungkin dapat dicapai kerana ahli Umno dulu sanggup mengabdikan emas dan menyerahkan wang ringgit untuk Umno manakala sekarang menggunakan Umno untuk kepentingan peribadi.

Bekas Naib Presiden, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata semua ahli Umno perlu mengelak daripada politik wang yang menjadi asas kepada keruntuhan sesebuah parti.

Katanya, politik wang dan rasuah di dalam parti juga boleh membantutkan keja-

yaan dan perjuangan Umno yang menjadi tunggak kepada orang Melayu.

“Saya dua kali menang dalam MT tanpa menggunakan wang. Oleh itu, semua ahli Umno perlu perbaiki diri dan elak terbabit dengan politik wang,” katanya.

Beliau juga melahirkan rasa kagum dengan Perdana Menteri yang buat pertama kalinya berdoa untuk kepentingan dan kesejahteraan orang Melayu.

Pelakon veteran, Datuk Jins Shamsuddin, berkata orang Melayu tidak seharusnya berlaku kurang ajar seperti yang didakwa sesetengah pihak bahawa amalan itu untuk mencapai kepentingan masing-masing.

“Kita menerapkan nilai Islam dan mempunyai nilai murni serta mengamalkan budaya madani,” katanya.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Bukit Gantang, Perak berkata sebagai bangsa Melayu, seharusnya berlandaskan nilai Islam tanpa mengeneipkan budaya Melayu.

“Budaya yang diamalkan sejak turun temurun oleh datuk nenek kita tidak seharusnya dikikis demi untuk menjadi Melayu yang baru.

Sementara itu, Perwakilan dari Slim River, Perak, Hamzah Salleh, 83, berkata ahli Umno perlu menanam nilai-nilai murni seperti disiplin, berakhlak, amanah dan mengelakkan politik wang dalam diri seperti yang diminta Perdana Menteri.

Katanya, ucapan Dr Mahathir cukup bagus untuk menyedarkan ahli Umno dan generasi muda yang mula lupa perjuangan asal Umno.

Beliau yang sudah menyertai Umno sejak 1948, menyifatkan ucapan Presiden Umno mengembalikan nostalgia beliau pada zaman awal penubuhan Umno.

Perwakilan Umno Bahagian Sandakan, Sabah, Moham-

ed Utong berkata, ucapan Presiden itu sesuai dengan keadaan Umno sekarang yang sedang menghadapi masalah perpecahan.

“Ucapan Presiden adalah sesuai untuk perpaduan parti kerana kekuatannya adalah bergantung kepada kerjasama semua pihak,” katanya.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu (Perdasama), Datuk Mohamed Izat Emir berkata, masalah politik wang perlu dihalakis kerana semua ahli Umno perlu merebut jangka panjang bukannya jangka pendek.

“Jika kita hendak merebut kesenangan sementara adalah satu pemikiran cetek kerana banyak lagi cara yang

boleh dilakukan untuk mencari rezeki yang halal.

“Lagipun apalah sangat RM 1,500 jika dibandingkan dengan maruah agama, bangsa dan negara,” katanya yang hadir sebagai pemerhati Bahagian Petaling Jaya Selatan.

Perwakilan Wanita Umno Bahagian Kuala Kedah, Kedah, Rokiah Zainuddin menganggap ucapan Presiden adalah menakjubkan kerana ia menyentuh pelbagai aspek yang dapat memberi kesedaran kepada semua ahli.

“Saya setuju dengan ucapan Presiden bahawa perpaduan parti adalah lebih penting daripada unsur material yang kini menjadi kegilaan ahli parti,” katanya.